

Bersiap pertahanan diri, agama: PM

BH 14 JAN 1994

Oleh Othman Mamat

ALOR STAR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam perlu mempersiapkan diri untuk berperang walaupun bukan bertujuan menakluki negara lain, tetapi mempertahankan diri daripada diserang oleh musuh.

Menurut Perdana Menteri, persediaan peperangan adalah sebahagian daripada ajaran agama yang mengkehendaki umat Islam mempunyai wang dan kekayaan di samping ilmu untuk membina kelengkapan perang.

Umat Islam, katanya, memerlukan ilmu yang cukup untuk mencipta senjata serta peralatan perang yang canggih serta moden seperti jet pejuang, kereta kebal, kapal perang dan sebagainya.

"Jelaslah...kesalahan ada pada diri kita kerana tidak mengikut ajaran Islam yang menyuruh kita mengukuh dan bersedia untuk mempertahankan diri dan agama.

Beliau berkata, sebaliknya umat Islam, termasuk di negara ini, asyik bersengketa sesama sendiri mengenai soal ke-Islaman orang dan kumpulan lain.

"Lebih teruk lagi apabila orang Islam menubuhkan parti politik dan memperalatkan agama demi kepentingan parti, bukannya kepentingan Islam," katanya.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menggariskan beberapa faktor menyebabkan negara Islam tidak mampu membantu negara Islam lain yang ditindas, malah tidak berkuasa mempengaruhi badan dunia untuk menolong mereka.

Beliau berkata, negara Islam kini terlalu menumpukan perhatian terhadap perkara titik bengkok, tanpa menghiraukan usaha membina kekuatan diri dan agama, seperti tercatat dalam al-Quran.

Mengenai Perkim, Dr Mahathir menjelaskan, pertubuhan itu ditubuh-

"Semuanya ini memerlukan kekayaan dan kecukupan....barulah dapat kita menyediakan diri untuk peperangan, bukan untuk menakluki sesiapa atau mana-mana negara, tetapi untuk mempertahankan diri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan rumah anak yatim Darul Aitam Walmasakin Tunku Abdul Rahman Putra dan Musalla Usmani di Jalan Langgar, di sini, hari ini.

Rumah anak yatim yang diuruskan oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) itu mula digunakan tahun lalu. Ia dibina di atas tanah yang diwakafkan oleh bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra.

Dr Mahathir berkata, kesilapan umat Islam sekarang ialah tidak berusaha menguasai segala ilmu yang penting untuk melengkapkan diri sebagai seorang Islam.

"Sebab itu hari ini, orang Islam begitu lemah dan tidak boleh berbuat apa-apa apabila orang Islam lain diseksa, dibunuh dan sebagainya," katanya.

kan untuk memperluas kefahaman mengenai Islam kepada penganut agama lain dan bukannya mengIslamkan mereka.

Bagaimanapun, orang bukan Islam sudah pasti tidak tertarik kepada Islam jika penganutnya memberi gambaran tidak elok mengenai agama itu.

Beliau berkata, umat Islam tidak harus melakukan diskriminasi terhadap masyarakat bukan Islam jika mereka mahu Islam dihormati.

Dr Mahathir yang menerima undangan merasmikan rumah anak yatim itu seperti yang diamanatkan oleh Tunku Abdul Rahman, diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff; Ketua Menteri Sarawak selaku Yang Dipertua Perkim Kebangsaan, Tan Sri Taib Mahmud; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman; Pengerusi Perkim Kedah, Datuk Shafie Abdullah, orang kenamaan dan pegawai kanan kerajaan.